

MASALAH KEKELUARGAAN- ISTERI YANG BEKERJA- DAN PENYELESAIANNYA BERSANDARKAN KEPADA MAQASID SHARIAH

Ahmad Bin Muhammad Husni
Nur Fatin Binti Alimuddin
Amin Bin Muhammad Husni

ABSTRAK

Masalah kajian berkisar kepada kewujudan masalah-masalah sosial yang terjadi disebabkan oleh keadaan dan reality dimana seseorang isteri yang keluar untuk bekerja dan seterusnya menyebabkan dia mengabaikan hak-hak dan kewajipannya. Tambahan pula, kes-kes keganasan rumah tangga seperti memukul dan penderaan secara lisan di dalam pelbagai bentuk di dapati meningkat. Oleh yang demikian, kajian ini menekankan kepentingan untuk membina sebuah keluarga yang bahagia di mana adalah merupakan perkara paling utama di dalam membentuk sesebuah masyarakat; ianya adalah sangat penting untuk melindungi asas dan integriti, dan juga merupakan peranan maqasid syariah yang didapati wujud dan tersangat penting untuk menyelesaikan masalah-masalah kekeluargaan. Kajian ini bertujuan untuk menekankan tentang hak-hak dan tanggungjawab diantara pasangan yang berkahwin dengan berteraskan kepada undang-undang Islam, dan juga untuk mengenalpasti sebab-sebab dan keadaan yang menyumbang kepada wujudnya permasalahan seperti ini dan secara tidak langsung mencari tahu bagaimana untuk menyelesaikannya dari perspektif maqasid syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan secara induktif dan analisis dengan melihat kepada sistem perundangan Islam, dan juga membincangkan akan pihak-pihak yang boleh dipercayai untuk melihat kepada perkara-perkara yang menyumbang kepada persetujuan dan juga bantahan dari mazhab-mazhab, dan mengenalpasti penulisan dan isu-isu dengan bersandarkan kepada maqasid syariah. Kajian mendapati punca utama yang menyebabkan terjadinya masalah di dalam institusi kekeluargaan adalah kerana kurangnya pengetahuan di antara pasangan tentang hak-hak dan juga tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh mereka. Dan, pekerjaan seorang isteri itu adalah dibenarkan oleh syariah dengan berpandukan kepada beberapa had dan batasan dan tidak bercanggah dengannya, manakala seseorang isteri yang bekerja haruslah tahu untuk memastikan keseimbangan di antara kerjayanya dan juga tanggungjawab terhadap keluarganya.

Kata kunci: Masalah, keganasan, keluarga, pekerjaan isteri, Maqasid Syariah.

PENGENALAN

Perubahan yang pesat di dalam zaman moden pada hari ini membawa kepada beberapa perubahan yang mana bercanggah dengan keadaan masa lalu termasuklah juga persaingan di antara kaum lelaki dan perempuan di dalam semua aspek; sedangkan dahulunya wanita telah dikhususkan di dalam bidang yang telah ditetapkan untuk mereka. Sebelum ini, tidak pernah ada seorang pun wanita yang terfikir untuk bersaing dengan lelaki didalam bidang-bidang seperti pertanian, merawat orang-orang yang tercedera didalam peperangan, bidang pengecatan dan sebagainya. Seperti yang telah sedia diketahui di dalam sejarah kehidupan wanita dahulu kala; tetapi kehidupan pada masa kini sangat berbeza dan bercanggah dari yang sebelumnya sehinggakan terdapat sesetengah ibu bapa yang menetapkan anak perempuan mereka untuk memeperoleh pekerjaan terlebih dahulu sebelum membenarkan mereka untuk berkahwin. Tambahan pula, kilang-kilang, syarikat-syarikat, institusi baik yang awam ataupun swasta kini lebih memilih untuk mengambil kaum hawa untuk melakukan pekerjaan kaum lelaki. Di dalam banyak keadaan boring latar diri dari wanita lebih diminati dan kebanyakan borang latar belakang lelaki akan ditolak. Dengan terjadinya hal yang sedemikian, kaum perempuan mula untuk bersaing dengan kaum lelaki dan mereka mula lupa bahawa kerja yang paling hebat dan mulia yang boleh memberikan kebahagiaan kepada mereka adalah di dunia dan di akhirat adalah dengan menjaga dan mendidik generasi yang akan datang dengan bersandarkan kepada ajaran Islam; ini adalah merupakan fitrah pekerjaan yang telah ditetapkan oleh Allah (swt) yang mana ianya tidak boleh diubah. Oleh yang demikian, saya akan membincangkan isu berkaitan dengan pekerjaan kaum isteri dan kemudiannya diikuti oleh persamaan dan perbezaan diantara lelaki dan perempuan di dalam beberapa syarat dan peraturan terhadap pekerjaannya:

Pekerjaan wanita di dalam Islam dan keadaannya

Terdapat lima peruntukan di dalam pekerjaan kaum wanita; pekerjaan tersebut haruslah merupakan suatu pekerjaan yang dibenarkan, disukai dan yang wajib. Tunjang asal kepada perkara ini adalah merupakan kebebasan seseorang individu sama ada untuk bekerja ataupun untuk menahan diri dari melakukan pekerjaan tersebut. Walaubagaimanapun, seseorang individu (wanita) mungkin akan dihalang daripada bekerja sekiranya ianya boleh membawa kemudaratn kepada orang-orang sekeliling mereka seperti menguasai sesuatu barangan atau perkhidmatan dalam pasaran tertentu, dan terdapat juga sebab seseorang wanita memutuskan untuk bekerja bagi menambahkan pendapatan mereka (Zidane, 2000), ianya adalah tidak wajib untuk wanita tersebut bekerja kerana perbelanjaan mereka seharusnya ditanggung oleh suami mereka tanpa mengira sama ada suaminya seorang yang kaya ataupun miskin ; ataupun ditanggung oleh ayahnya sekiranya mereka masih belum berkahwin dan miskin; ataupun haruslah ditanggung oleh abangnya ataupun mana-mana individu yang mempunyai tanggungjawab untuk menyara kehidupannya sekiranya mereka telah kematian ayahnya. Seseorang wanita dengan situasi ini mungkin boleh dibenarkan untuk bekerja berdasarkan kepada syarat-syarat seperti yang akan diterangkan nanti.

Sekiranya kerja yang dilakukan adalah alasan untuk mereka mengabaikan tanggungjawab mereka seperti menjaga kebajikan dan perkara-perkara di rumah beserta anak-anak mereka dan juga perihal-perihal lain berkenaan dengan kehidupan berumah tangga dan kehidupan suami serta hak anak-anak mereka, maka mereka tidak dibenarkan untuk bekerja kerana tanggungjawab yang wajib

tidak boleh diabaikan demi untuk memunaikan sesuatu perkara yang dibenarkan. Seseorang wanita tidak dibenarkan untuk bekerja sekiranya dikhawatiri akan mengabaikan hak-hak mereka terhadap suami dan anak-anak mereka. Sekiranya seseorang perempuan itu tidak mempunyai sebarang tanggungjawab keatasnya, sebagai contoh dia masih belum berkahwin, tinggal di rumah adalah lebih selamat untuknya kerana Allah (swt) berfirman: (dan tinggallah di rumahmu). Akan tetapi, sekiranya terdapat tuntutan untuk bekerja di luar rumah, 'keperluan tersebut akan mengatasi dan ini adalah merupakan undag-undang yang wujud didalam shariah (Maimunah, 2000). Ahli ulamak membezakan di antara isteri yang bekerja dan mengabaikan hak-hak suaminya dan boleh memudaratkan suaminya ataupun isteri bekerja yang tidak memudaratkan suaminya; mereka bersetuju bahawa membolehkan keadaan yang kedua dan menghalang daripada melakukan pekerjaan dalam keadaan yang pertama. Ibn Abidin dari mazhab Hanafi berkata: "Bergantung kepada apa yang menghalang dia (wanita) daripada apa-apa pekerjaan yang menyebabkan pengurangan hak-haknya, atau memudaratkannya, ataupun dia keluar daripada rumahnya".

Tetapi sekiranya pekerjaan tersebut tidak mendatangkan sebarang kemudaratkan, tidak ada sebab untuk menghalangnya daripada melakukan pekerjaan tersebut; dan seharusnya dia (suami) tidak menghalang isterinya daripada keluar untuk melakukan pekerjaan sekiranya pekerjaan itu adalah fard kifayat terutamanya kepada kaum perempuan seperti contoh menjadi seorang bidan" (Sabiq, 1988). Seseorang perempuan yang beriman dan tinggal di rumahnya akan diberikan ganjaran daripada dua aspek.

1. Dengan mentaati perintah Allah dengan berada di rumah.
2. Tidak memudaratkan orang-orang Muslims.

Adapun tinggal di rumah itu adalah merupakan perkara yang terbaik bagi seseorang perempuan, akan tetapi mereka dibolehkan untuk bekerja di dalam bidang perubatan khususnya, sama ada untuk mengendalikn kelahiran dan sebagainya, beliau boleh berbincang dengan doctor tentang perkara-perkara yang harus dilakukan olehnya ketika memberikan rawatan kepada pesakit, menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai semasa bercakap, dan tidak tinggal bersendirian dengan doktor lelaki, dan juga menutup aurat dengan sempurna (Majallat al-Buhuth, 2005). Beliau seterusnya memetik pandangan Ibn Taymiah terhadap isu tersebut dengan berkata: (Pada dasarnya, golongan lelaki lah yang akan keluar daripada rumah dan golongan perempuan akan tinggal di rumah melainkan terdapat sebab dan keperluan ke atasnya), kata-kata Ibn Taymiah berakhir di sini dan disambung oleh Albany dengan berkata: (Sekiranya seseorang perempuan itu keluar dari rumahnya untuk sesuatu tujuan hendaklah dia memakai jilbab dan tanpa mengenakan sebarang wangi-wangian, maka ini adalah dibenarkan; tetapi sekiranya ianya menyebabkan berlakunya perkara seperti yang kami telah nyatakan diatas seperti mengabaikan tanggungjawab-tanggungjawabnya, ini adalah potongan ayat al -Qur'an (Dan tinggallah di rumahmu) yang boleh digunakan. Adalah tidak dibenarkan untuk mereka keluar daripada rumah mereka dan meninggalkan anak-anak kepada orang gaji mereka; ibu akan lebih mengetahui keperluan anak-anak mereka dari segi bimbingan dan juga pelajaran. Dia memberikan pandangan terhadap fatwa-fatwa ini dengan berkata : (banyak wanita pada hari ini berlebih-lebihan di dalam isu keluar rumah dengan bersebab dan untuk belajar tanpa mengambilkira batas shariah di dalam kes-kes yang serius seperti ini; sebagai kesannya penggunaan orang gaji untuk tujuan menjaga anak-anak menjadi semakin meluas yang mana akan menyebabkan banyak masalah-masalah moral dan sosial serta meruntuhkan kepercayaan ke atas anak-anak orang-orang muslim terutamanya apabila orang gaji tersebut adalah dari kalangan bukan Muslim dan ibunya pula tidak memberikan penjagaan yang secukupnya dan proses tersebut tidak dikhususkan kepada orang gaji. Ramai ahli-ahli fikir dan ulama telah menyatakan di dalam penulisan mereka akan kemudaratkan menggunakan orang gaji untuk menjaga anak-anak apabila ibu mereka keluar untuk bekerja ataupun belajar ataupun sebab-sebab yang lainnya. (Amr, 2008). Islam tidak menggalakkan dia bekerja di dalam bidang-bidang awam untuk tujuan mengumpul harta, tetapi pada masa yang sama tidak menghalang mereka daripada bekerja; jadi, pada dasarnya perkara ini adalah harus disediakan berdasarkan kepada tuntutan Shariah provisions dan maqasid shariah, serta syarat-syarat untuk menghalang keburukan ke atas sesuatu dan mendapatkan kebaikan daripadanya. (Sharqawi, 1997).

Aspek kesamarataan di antara lelaki dan perempuan di dalam hal-hal kehidupan.

Di dalam agama Islam perempuan dan lelaki adalah sama di dalam hak-hak umum; tidak ada sebarang perbezaan di antara mereka di dalam hak-hak mereka kecuali terhadap beberapa tuntutan yang telah ditetapkan khas untuk kaum lelaki disebabkan oleh keperluan hidup, kepentingan awam, kepentingan terhadap keluarga, kepentingan terhadap diri wanita itu sendiri dan fitrah terhadap setiap satunya. Alam perkahwinan adalah sebuah kehidupan social dan setiapnya haruslah mempunyai seorang pemimpin kerana setiap perjumpaan atau pertemuan akan adanya perbezaan dari segi pandangan dan kelainan kehendak di dalam beberapa perkara, dan kemahuan mereka tidak boleh dicapai kecuali mereka mempunyai seorang ketua untuk dijadikan rujukan sekiranya terdapat percanggahan pendapat demi untuk mengelak kelakuan yang boleh memudaratkan antara satu sama lain; dan pihak lelaki adalah lebih layak untuk menjadi seorang pemimpin kerana dia lebih berkemampuan untuk mengawal sesuatu dengan kuasa, harta dan mindanya. Dengan yang demikian, shariah telah memutuskan bahawa kaum lelaki adalah bertanggungjawab untuk melindungi perempuan, membuat kebaikan ke atas mereka and menjaga kebajikan mereka dan mereka juga dituntut untuk mentaati suami mereka di dalam hal-hal yang tidak bercanggah dengan the shariah. Adalah dilarang untuk seseorang lelaki untuk menyalahgunakan kuasa dan kebolehannya keatas perempuan manakala bagi perempuan pula, mereka tidak dibolehkan untuk membebaskan suaminya dengan sesuatu yang tidak mampu dilakukan oleh suaminya. Sekiranya hal ini terbukti, maka adalah jelas bahawa Allah (swt) memilih seseorang lelaki ke atas sesuatu hal dan memilih wanita untuk sesuatu hal untuk mencapai keadilan dan kesamarataan di antara mereka dan setiap satu dari mereka akan menjadi penolong atau pelengkap kepada yang lainnya di dalam hal-hal kehidupan. Maka, setiap seorang daripada mereka tidak akan meminta apa yang telah ditetapkan terhadap kaum lain dari segi tanggungjawab, kebolehan, keadaan dan kebajikannya. Bukti yang paling besar yang menunjukkan Islam memberi kesamarataan dalam hak-hak awam khususnya adalah mewajibkan mereka untuk menunaikan perkara yang sama dengan lelaki dari segi kepercayaan, ibadah, jual beli, adab-adab dan memberikan ganjaran yang sama kepada kaum lelaki dan perempuan dan menggabungkan nama-nama mereka (lelaki dan perempuan) di dalam banyak ayat al-Quran (Muhammad Bakar, 1998). Berdasarkan perkara yang telah dibincangkan di atas, saya akan menyatakan aspek-aspek kesamarataan dan perbezaan di antara lelaki dan wanita dalam beberapa hak seperti yang berikut:

ASPEK-ASPEK KESAKSAMAAN DI ANTARA LELAKI DAN PEREMPUAN

Islam menyamaratakan di antara lelaki dan perempuan di dalam lima perkara yang penting, yang mana ianya adalah: hak-hak awam, hak pendidikan, hak untuk bekerja, liabiliti and penalti serta nilai-nilai kemanusiaan. Butirannya adalah seperti yang di bawah:

Persamaan di dalam hak asasi: Islam meletakkan persamaan di antara lelaki dan wanita dalam hak-hak asasi di dalam bentuk yang:

Islam memberikan has asasi terhadap perempuan sama seperti yang diberikan kepada lelaki; di mana tidak terdapat sebarang perbezaan berkenaan perkara ini sama ada sebelum atau selepas mereka berkahwin. Sebelum berkahwin, seseorang wanita mengikut Islam mempunyai hak sivil yang mandiri daripada ayahnya atau penjaganya; sekiranya dia adalah merupakan orang dewasa, dia mempunyai hak untuk jual beli, mengambil alih tanggungjawab, mempunyai asset cair dan mempunyai kuasa keatasnya; penjaganya tidak mempunyai sebarang hak ke atas hartanya melainkan dengan kebenarannya ataupun sekiranya dia melantik penjaganya untuk melakukan sesuatu bagi pihaknya. Islam juga membenarkan dia untuk memilih suami berdasarkan pilihannya, contohnya dia mempunyai hak untuk mensyaratkan seseorang itu untuk menghafal al-Quran: dan sekiranya dia pernah berkahwin sebelumnya (balu, janda) persetujuannya sangat perlu untuk diambilkira kerana pengalamannya yang pernah berkahwin sebelum ini. Dan sekiranya dia masih lagi perawan apa-apa sahaja tanda persetujuan seperti diam atau sebarang isyarat sudah cukup kerana wanita yang masih perawan biasanya agak malu-malu yang mungkin menghalang mereka untuk menunjukkan pilihan mereka di dalam hal-hal perkahwinan. Perkara ini adalah merupakan hak yang berkaitan dengan wanita sebelum berkahwin, tetapi selepas berkahwin dia juga hak sivil personality yang penuh. Perkahwinan di dalam Islam tidak akan menukar namanya dan kebolehan untuk memiliki harta, tetapi seseorang isteri kepada orang Muslim akan mengekalkan namanya dan nama keluarganya selepas berkahwin dan semua hak-hak keagamaan, hak-hak untuk kontrak jual beli, gadaian dan hadiah, kesanggupan dan sebagainya. Dia mempunyai harta persendirian dan kewujudan kewangan; dan di dalam semua hal ini dia bebas daripada personality suaminya, hartanya dan juga, dan suaminya tidak dibenarkan untuk mengambil apa-apa daripada harta miliknya sama ada dalam kuantiti yang kecil ataupun besar. Keadaan kesamarataan yang ditetapkan oleh Islam diantara lelaki dan perempuan dalam hak-hak asasi mereka adalah merupakan dalam keadaan yang istimewa dimana tiada undang-undang manusia yang telah dan akan pernah mencapai tahap ini (Muhammad Bakr, 1998).

Kesamarataan di dalam pendidikan dan kebudayaan.

Islam menyeru semua golongan baik lelaki atau perempuan untuk mencari ilmu (Muhammad Bakr, 1998), kerana ecara amnya mereka adalah sama dalam keadaan mereka dituntut oleh Allah (swt); seseorang wanita tidak boleh menjalankan tanggungjawabnya dan meminta haknya sekiranya dia mengabaikan mereka, senagai contoh, solat, puasa, zakat and peruntukan semasa haid dan sebagainya. Rasulullah (saw) pernah mengajar golongan wanita dengan menyediakan hari khas kepada mereka untuk tujuan tersebut; terdapat perawi hadis daripada Rasulullah (saw) di antara wanita-wanita seperti (ra) dan lain-lainnya daripada sahabat-sahabat wanita; dan di antara mereka terdapat yang menghafaz kitab suci al-Qur'an; Terdapat juga yang belajar dalam bidang penulisan dan juga yang lain-lainnya pula berkenaan dengan pengetahuan berkaitan urusan agama dan bukan agama. Sekiranya kita mengkaji semula sejarah Islam, kita akan mendapati bahawa kaum wanita pernah belajar pelbagai jenis ilmu sains seperti sains perubatan, penulisan dan pembacaan, sains al-Quran, Hadith, Fiqh, bahasa Arab, sastera dan sebagainya.

Persamaan di antara lelaki dan perempuan di dalam hak untuk bekerja.

Seperti yang telah dinyatakan di atas berkenaan dengan isu seseorang perempuan bekerja di mana Islam sesungguhnya tidak menghalang pengambilan pekerja perempuan, akan tetapi pekerjaannya telah dihadkan oleh beberapa syarat; maka Islam membenarkan tidak membenarkan seseorang wanita untuk melakukan sesuatu yang tidak sesuai dengan keadaan mereka, dan larangan ini adalah untuk kepentingan kaum wanita itu sendiri dan juga demi untuk melindungi maruah dan harga dirinya ; ianya sama sekali tidak seperti yang dikatakan oleh orang-orang barat yang mana mereka beranggapan bahawa Islam menindas kaum wanita dan menidakkan hal-hak mereka, tetapi sesungguhnya Islam memuliakan kaum perempuan den menjaga mereka dengan hebat sekali; tidak ada satupun agama ataupun sebarang sistem perundangan yang membolehkan hak keatas wanita seperti yang dilakukan oleh agama Islam. Secara amnya, terdapat beberapa pekerjaan yang dibenarkan untuk wanita dan pekerjaan yang dibenarkan untuk kaum lelaki ; Semasa zaman pemerintahan Rasulullah (saw) kaum wanita keluar semasa terjadinya peperangan untuk merawat orang-orang yang tercedera, menyediakan makanan, menubuhkan khemah untuk pejuang-pejuang Muslim dan pekerjaan-pekerjaan lain yang tidak sukar untuk mereka lakukan. Sekiranya keperluan-keperluan yang akan disebutkan selepas ini dipenuhi, Islam tidak menghalang kaum wanita untuk keluar dan melakukan kerja-kerja yang baik dan dia tidak boleh dipaksa untuk berada di rumah sekiranya terdapat keperluan untuk dia berada di luar, sebagai contoh sekiranya dia memikul tanggungjawab untuk membuktikan tentang dirinya dan anak-anaknya (Muhammad Bakr, 1998).

Persamaan di dalam hal-hal of liabiliti and penalti.

Islam meletakkan persamaan di antara lelaki dan perempuan di dalam segala hal yang berkaitan dengan liabiliti dan ganjaran di dunia dan di akhirat; seseorang wanita mempunyai liabiliti yang penuh seperti seorang lelaki di dalam Islam untuk melindungi agama dan dirinya, anak-anaknya, maruah dan akal fikirannya, sama seperti lelaki yang bertanggungjawab untuk menjaga rumahnya dan mendidik anak-anaknya berpandukan kepada ajaran Islam berkaitan dengan adab-adab dan tingkah laku yang mulia, seperti sabda Rasulullah (saw) yang berbunyi: (setiap seorang daripada kamu adalah pengembala (pemimpin) dan bertanggungjawab ke apa yang digembalanya (dipimpinnya) ; seorang lelaki adalah pengembala (pemimpin) di rumahnya dan bertanggungjawab terhadap apa yang digembala (dipimpinnya); seorang wanita adalah pengembala (pemimpin) di dalam rumahnya dan bertanggungjawab terhadap apa yang digembalanya (dipimpinnya) (Ulwani, 2006). Dan ganjaran kepada wanita yang bekerja adalah sama seperti yang diperoleh oleh lelaki seperti firman Allah (swt): (mereka yang melakukan keburukan akan diberikan hukuman yang setimpal; dan sesiapa yang melakukan kebaikan dalam kalangan lelaki dan wanita ...).

Persamaan di antara mereka di dalam nilai-nilai kemanusiaan.

Islam melihat lelaki dan wanita dalam keadaan yang sama tanpa sebarang ketidakadilan dan penindasan ke atas sifat semulajadi mereka sebagai manusia, dan tidak ada satu pun manusia yang layak mendapat layanan manusia melebihi manusia yang lain, dan tidak ada juga dasar diskriminasi disebabkan oleh bangsa dan keadaan makhluk ; ini bermakna bahawa lelaki dan perempuan adalah sama, tiada sebarang perbezaan di antaramereka, kecuali dengan pertimbangan mereka sendiri seperti tahap pendidikan, adab-adab, kedudukan dengan Allah berdasarkan kepada kekerapan ibadah dengan melakukan kewajipan tetap pada masanya, melakukan pelbagai perkara-perkara sunat seperti solat, puasa, sedekah, mengeluarkan perkataan yang baik, berasa seronok melakukan perkara-perkara yang baik dan menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang ditegah dan sebagainya.

Perbezaan di antara lelaki dan perempuan di dalam beberapa tindakan dan peruntukan.

Daripada apa yang telah dijelaskan di atas, kita faham bahawa lelaki dan perempuan adalah sama, dan terdapat beberapa perkara dimana terdapat perbezaan di antara mereka, dan hal ini adalah berdasarkan kepada kemampuan mereka dalam melaksanakan perkara-perkara atau kesanggupan mereka untuk menggalas sebarang halangan dan rintangan; semua hal ini berbalik kepada kebijaksanaan Allah (swt) dan pembahagiannya yang adil. Jadi di sini, saya ingin menyatakan perbezaan tersebut di dalam perkara-perkara berikut:

Perbezaan di antara lelaki dan perempuan di dalam tanggungjawab keagamaan.

Islam meletakkan perbezaan di antara lelaki dan perempuan di dalam beberapa hal yang membabitkan keperluan keagamaan demi untuk memudahkan dan melindungi kaum wanita dan mempertimbangkan keadaan fizikal mereka. Sebagai contoh, wanita diberikan kebebasan di dalam solat yang mana diketahui adalah merupakan tiang kepada agama Islam semasa tempoh haid, dan selepas tempoh tersebut mereka tidak dituntut untuk menggantikan solat mereka kerana ianya bukanlah sesuatu yang mudah oleh sebab haid akan terjadi setiap; dan tidak terdapat sebarang pertikaian ke atas perbezaan ini keatas lelaki dan wanita. Islam juga memberikan kelonggaran untuk wanita meninggalakan puasa di dalam bulan Ramadhan selama tempoh haid mereka dan juga selesai melahirkan anak dan nuga semasa mengandung dan menyusukan anak sekiranya mereka akan membawa kemudaratan kepada bayi mereka di dalam kandungan ataupun bayi yang mereka susukan; dalam hal ini, mereka hanya perlu untuk menggantikan hari yang mereka tidak berpuasa. Adalah amat penting untuk memastikan seseorang itu berkaya menggantikan puasa sebanyak hari yang ditinggalkan olehnya, kerana bulan Ramadhan hanya datang sekali setahun sahaja dan wanita haruslah memastikan dia boleh menggantikan puasa sebelum datangnya Ramadhan seterusnya; dan tiada seorang pun yang pernah mengatakan bahawa lelaki boleh meninggalkan puasa semasa bulan Ramadhan kerana mengandung, menyusukan anak atau perempuan yang melahirkan anak; seseorang lelaki mungkin boleh meninggalkan puasa di bulan Ramadhan untuk beberapa sebab yang lain seperti bermuafir dan sakit tetapi tidak dengan sebab yang telah dinyatakan terhadap wanita. Adapun lagi, wanita dibenarkan untuk memakai berbagai jenis pakaian semasa menunaikan haji yang mana ianya adalah nyata berbeza dengan golongan lelaki. Tambahan lagi, wanita boleh mengumpulkan solat semasa istihadha tetapi hal ini tidak dibolehkan terhadap lelaki. Perkara-perkara yang diatas adalah merupakan perbezaan di antara lelaki dan wanita di dalam ketentuan agama Islam (Muhammad Bakr, 1998).

Perbezaan di antara mereka (lelaki dan perempuan) di dalam bebanan ekonomi

Islam memberikan tanggungjawab untuk menanggung perbelanjaan seseorang wanita seperti memberi makan, pakaian, rawatan perubatan, pengangkutan dan sebagainya. Wanita mungkin boleh membantu lelaki dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah disebutkan tetapi adalah bukan merupakan suatu kewajipan ke atas mereka. Perbelanjaan seseorang wanita yang masih belum berkahwin adalah daripada bapanya ataupun saudaranya bersandarkan kepada perintah yang telah termetera di dalam undang-undang Islam ke atas kewajipan memberi makan; sekiranya dia tidak mempunyai saudara yang boleh memberi makan kepadanya, tanggungjawab tersebut adalah ke atas Baitul Mal ataupun ketuannya. Hal ini adalah merupakan kedudukan wanita di dalam semua peringkat perkahwinan sama ada di dalam persediaan untuk fasa perkahwinan atau juga semasa peringkat penceraian. Ini adalah merupakan dari sudut pandangan Islam dan bukannya dari sudut pandangan puak barat. Di dalam Islam, wanita yang berkahwin mempunyai hak sivil sepenuhnya dan kewujudan harta persendirian; dia adalah sepenuhnya bebas daripada suaminya, harta-hartanya dan juga tanggungjawabnya kerana dia tidak diperuntukkan untuk menggalas sebarang bentuk tanggungan untuk memberi makan kepada keluarga tidak kira bagaimana kaya wanita itu, tetapi segala tanggungjawab adalah terletak kepada suami. Dalam peringkat ini, seseorang wanita boleh mengecapi perlepasan di dalam ekonomi dan hak-hak awam yang telah disediakan oleh Islam untuk mereka kerana adalah menjadi tanggungjawab lelaki untuk menggalas segala tanggungjawab. (Muhammad Bakr, 1998). Islam memerintahkan seseorang lelaki untuk menyediakan kemudahan terhadap wanita yang diceraikannya dan melarang mereka daripada menyakiti mereka semasa tempoh itu, dan memberi makan kepada mereka seandainya dia sedang mengandung sehingga dia melahirkan, dan selepas melahirkan adalah terpulang kepada si lelaki sama ada untuk membayar mereka untuk menyusukan anak tersebut ataupun untuk mencari ibu susuan lain untuk menyusukan anak mereka sekiranya mereka tidak bersetuju dengan harga yang tersebut. Ini merupakan penghormatan pada tahap tertinggi yang disediakan untuk wanita sebelum, semasa dan selepas; tidak ada satu pun agama lain yang akan berjaya mencapai apa yang telah dilakukan oleh agama Islam dalam menyediakan penghormatan kepada kaum wanita, menaikkan status dan melindungi mereka, dan mempertimbangkan keadaan mereka (Muhammad Bakr, 1998).

Perbezaan antara mereka dalam penerimaan harta pusaka

Allah (swt) memberikan lelaki dua kali bahagian pihak perempuan di dalam pembahagian harta pusaka untuk sebuah sebab yang hebat, Allah mensyariatkan kepadamu tentang (pembahagian warisan untuk) anak-anakmu, iaitu bahagian seorang anak lelaki bersamaan dengan bahagian dua anak perempuan. Dan jika anak itu semuanya perempuan yang jumlahnya lebih dari dua, maka bahagian mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan. Jika anak perempuan itu seorang saja, maka dia memperoleh setengah (harta yang ditinggalkan). Dan untuk keada ibu bapa, bahagian masing-masing seperenam daripada harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak. Jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan dia diwarisi oleh kedua ibu bapanya (sahaja), maka ibunya mendapat sepertiga. Jika yang meninggal itu mempunyai beberapa orang saudara, maka ibunya mendapat

seperenam. (pembahagian-pembahagian tersebut di atas) setelah dipenuhi wasiat yang dibuatnya atau (dan) setelah dibayar hutangnya. (Tentang) orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih banyak manfaatnya. Ini adalah ketetapan Allah. Sungguh, Allah maha mengetahui lagi bijaksana. (Qur'an, An-Nisa, 11:4). Beberapa ulama menjelaskan sebab di sebalik perbezaan tersebut dengan mengatakan bahawa lelaki yang masih tinggal di rumah selepas kematian ayahnya adalah lelaki yang seharusnya menggalas tanggungjawab untuk memberi nafkah kepada keluarganya; dalam erti kata lain tanggungjawab memberi makan kepada keluarga adalah waib ke atas lelaki dan bukannya kepada wanita; dan seseorang wanita yang dikahwini oleh seseorang lelaki yang akan mengambilalih tanggungjawab untuk memberi makan, pakaian, tempat tinggal, maka seseorang lelaki adalah merupakan ketua kepada keluarganya yang mana akan menjaga wanita dan.; oleh yang demikian amatlah adil sekiranya bahagian lelaki adalah lebih banyak daripada bahagian wanita supaya mereka mendapat bahagian yang akan membantu mereka dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dan seseorang wanita adalah dibebaskan kerana simpati dan belas kasihan kepada mereka untuk memastikan kebahagiaan di dalam keluarga; tetapi Islam menekankan pertimbangan keatas wanita dengan menyediakan kepada mereka separuh daripada bahagian yang diperolehi oleh lelaki walaupun telah dinyatakan bahawa semua tanggungjawab ke atas keluarga adalah dikhususkan kepada kaum lelaki. (Muhammad Bakr, 1998).

Perbezaan diantara mereka di dalam hal-hal memberikan keterangan

Islam tidak meletakkan wanita untuk membuat pengakuan di dalam memberikan keterangan di dalam beberapa hal-hal yang serius (Bawadi, 2005), sepertimana keterangan untuk hukuman berzina, kecurian, dan juga hukum-hukum hudud yang lainnya. Adalah adil sekiranya islam mengakui keterangan wanita untuk hal-hal kewanitaan yang mana hanya mereka yang boleh melihatnya, dan Islam menjadikan keterangan daripada dua orang wanita bersamaan dengan keterangan daripada seorang lelaki, sebabnya adalah kerana wanita mempunyai keinginan dan and perasaan kasih sayang berserta dengan belas kasihan yang mana akan memberikan kesan di dalam keterangan mereka.

Perbezaan antara mereka di dalam hak-hak penceraian

Terdapat ramai masyarakat di zaman moden ini yang membantah hak-hak penceraian yang hanya diberikan kepada lelaki dan tidak diberikan kepada wanita di dalam Islam, dan mereka menganggap hal tersebut adalah merupakan satu bentuk keganasanterhadap wanita kerana suaminya mungkin menyalahgunakan hak tersebut dan menceraikan mereka tanpa sebarang sebab yang munasabah dan menindas mereka serta membahayakan keluarganya. Adalah sangat penting untuk merujuk perkara ini di dalam perkara-perkara di bawah

- Penerimaan tanggungjawab dalam pasangan Islam memerlukan kedua-dua mereka mematuhi tuntutan syariah, dimana perkahwinan dan penceraian adalah di antara mereka; seseorang wanita yang takut di dera oleh lelaki dan untuk kepentingannya daripada hak-hak yang diberikan oleh syariah kepada mereka yang mana merangkumi hak mereka untuk menceraikan diri mereka sekiranya perkara tersebut telah ditetapkan di dalam perjanjian perkahwinan.
- Keadaan di mana Islam menghadkan hak untuk menjatuhkan talak ke atas kaum lelaki adalah kerana banyak sebab, yang paling utama adalah kerana diketahui bahawa wanita dikuasai oleh emosi yang mana adalah merupakan lumrah wanita yang mana mereka adalah didominasi oleh emosi; juga merupakan orang pertama yang akan terkesan di dalam penceraian di dalam soal kewangan adalah orang yang seharusnya membayar mahar, memberi makan kepada bekas isteri dan keluarganya sepanjang tempoh iddah and dan tempoh penyusunan; ini menjadikan mereka (lelaki) mempunyai lebih kekangan berbanding dengan wanita yang mana tidak akan mempunyai sebarang tanmggungjawab sekiranya berlaku penceraian.
- Sekalipun hak penceraian berada di tangan lelaki tetapi wanita mempunyai hak untuk meminta dilepaskan sekiranya perkahwinan tersebut menyebabkan perkara-perkara yang boleh memberi kemudahan kepada mereka, di dalam ayat Al-Quran (dan janganlah kamu rujuk mereka untuk memberi kemudahan kepada mereka, (ataupun) untuk mengambil kesempatan-kesempatan yang tidak wajar) (Al-Qur'an, Baqarah, 231:2) adalah merupakan suatu bentuk rujukan keatas hak wanita untuk meminta diceraikan sekiranya perkahwinannya menyebabkan kemudahan ke atasnya disebabkan kerana kehidupan di alam perkahwinan seharusnya mempunyai layanan yang baik dan sekiranya hal tersebut tidak terdapat di dalamnya, maka seseorang perempuan itu mempunyai hak untuk meminta diceraikan, bersandarkan kepada peraturan "Tidak membahayakan, tidak membahayakan".
- Islam memberikan hak keatas wanita untuk meninggalkan seseorang yang mereka tidak sukai dan yang mereka fikirkan mereka tidak boleh hidup bersamanya walau dalam apa cara sekalipun, sekalipun tidak terdapat sebarang sebab yang memberikan kerosakan atau apa-apa sepertinya. Bukti yang paling jelas terhadap perkara ini adalah seperti yang diriwayatkan oleh Bukhari daripada Ayyub yang dipetik daripada Ikrimah seperti yang dikatakan oleh Ibn Abbas bahawa isteri kepada Thabit Ibn Qais telah datang berjumpa dengan Rasulullah (saw) dan berkata: " Wahai Rasulullah, Thabit Ibn Qais tidak mempunyai sebarang kekurangan di dalam adab ataupun soal-soal keagamaan tetapi aku tidak boleh lagi bersamanya, lalu Rasulullah (saw) berkata: adakah kamu menerima kebunnya dan dia mengakui hal tersebut, maka Rasulullah (saw) berkata: terima kebun itu dan ceraikanlah dia. (Ulwani, 2006).

Islam memberikan kebebasan untuk menceraikan kepada kaum lelaki (Bawadi, 2005), dan menjadikan kuasa di tangan lelaki untuk kepentingan mereka dan kepentingan kaum wanita; seseorang lelaki berupaya untuk mengawal emosinya lebih daripada keupayaan seseorang perempuan; sekiranya kuasa untuk menceraikan berada di tangan perempuan maka akan terjadilah ketidakadilan kepada pihak lelaki kerana golongan wanita akan mudah berasa marah dan akan mengatakan sesuatu yang akan disesalinya selepas itu, sekiranya hak untuk menceraikan diberikan kepada kaum wanita maka perceraian akan terjadi pada setiap hari; hanya lelaki yang berkahwin mengetahui akan realiti ini kerana mereka mengetahui rahsia-rahsia perkahwinan; hanya disebabkan oleh salah faham yang kecil seseorang wanita akan berkata: ceraikan saya sekiranya saya sudah tidak disayangi, ini adalah sesuatu yang sangat senang diucapkan oleh ramai wanita.

Di dalam era masa kini, terdapat perubahan ke atas perkara-perkara di dalam beberapa keadaan kerana wanita adalah lebih berkuasa kerana dia telah memiliki rumah dan semua kelengkapan perumahan dan juga kad ATM; hanya disebabkan oleh salah faham yang kecil diantara dia dan suaminya dia akan menyingkirkan suaminya keluar daripada rumah; oleh sebab itu, seseorang lelaki akan kehilangan kuasa kerana mereka tidak boleh mengarahkan atau menidakkan sesuatu kerana kelemahannya di dalam rumah tersebut.

Panduan-panduan terhadap pekerjaan kaum wanita

Selepas melihat kepada aspek kesamarataan dan perbezaan diantara lelaki dan wanita di dalam hal-hal kehidupan, ianya menunjukkan kepada kita bahawa tidak ada sebarang masalah untuk seseorang isteri itu untuk bekerja, tetapi ianya haruslah disertai dengan keizinan dari suaminya dan beberapa panduan serta had-had yang dibenarkan haruslah dicapai sebelum seseorang wanita itu boleh keluar untuk bekerja ataupun belajar. Hala ini demikian adalah kerana kitab suci al-Qur'an menyarankan wanita untuk tinggal di rumah, dan terdapat panduan-panduan beserta legitimate restrictions sebelum seseorang perempuan tersebut dibenarkan untuk keluar, dan perkara-perkara dibawah adalah merupakan antara perkara yang paling penting dalam kalangannya:

- Apabila mereka keluar ianya haruslah disebabkan oleh keperluan-keperluan yang dibenarkan, memastikan bahawa dia komited terhadap adab-adab dan undang-undang di dalam Islam semasa dia keluar dan berurusan dengan orang. Terdapat beberapa keperluan yang dikenalpasti oleh Islam untuk wanita-wanita di luar sana:
 - Kematian pasangannya dan isteri tersebut tidak mempunyai sesiapa untuk diharapkan menyara dirinya dan juga anak-anaknya seperti penjaga dan juga tidak terdapat Baitul Mal untuk menjaga kebajikan mereka.
 - Sekiranya seseorang wanita itu miskin dan perlu keluar untuk bekerja demi untuk menjaga kebajikan dan keperluannya dan juga untuk ibu bapanya atau suaminya yang tidak boleh bekerja disebabkan oleh ketidakupayaan dan kecacatan.
 - Menyertai suaminya di dalam bidang pertanian terutamanya di kawasan pedalaman di mana tidak terdapat sebarang fitnah untuk mereka keluar, dan untuk memberikan sumbangan kepada suaminya.
 - Sekiranya seseorang perempuan itu adalah yang mempunyai kepakaran di dalam bidang-bidang tertentu yang diperlukan oleh ummah dan ianya terdapat kebaikan daripadanya kepada masyarakat di dalam pekerjaannya (Aqlah, 1989). Sebab mereka keluar untuk mengambil air adalah kerana tidak terdapat seorang lelaki pun untuk melakukan kerja tersebut selain mereka, di mana ayah mereka sudah tua dan tidak boleh melakukan tugas tersebut; sekiranya boleh maka dia akan melakukan tugas tersebut bagi pihak mereka (Aqlah, 1989).
 - Sekiranya dia keluar untuk mencari makanan untuk dirinya dan anak-anaknya ataupun untuk menolong suaminya sekiranya suaminya tidak berupaya untuk menyediakan keperluan asas yang diperlukan oleh keluarga.
- Pekerjaannya haruslah bersesuaian dengan fitrah seorang wanita dan kebolehan fizikal mereka dan mereka bersedia secara mentalnya kerana Islam tidak membenarkan mereka untuk melakukan kerja-kerja yang sukar seperti bekerja di lombong atau kilang ataupun memandu kenderaan dan sebagainya. Hal ini kerana pekerjaan-pekerjaan tersebut pada dasarnya tidak diciptakan untuk perempuan kerana perempuan memerlukan belas kasihan dan pertimbangan. (Aqlah, 1989).
- Pekerjaan yang akan memberikan kebaikan kepadanya dan masyarakat Muslim community seperti dalam doctor perubatan ataupun pendidik. Dan tidak bersangkut paut dengan perkara yang akan membawa kemudaratan kepada mereka dan agama mereka, sebagai contoh mereka tidak dibenarkan memakai pakaian sesuai yang mengikut sunnah Islam ataupun mereka tidak dibenarkan untuk solat; ataupun ianya boleh memudaratkan diri mereka seperti melakukan perkara-perkara yang salah ke atas diri mereka sendiri dengan melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral; ataupun kepada anak-anak mereka, sekiranya pekerjaan tersebut menyebabkan mereka mengabaikan hak-hak ke atas anak-anak mereka dalam pendidikan Islami; atau hak-hak di dalam rumahtangga, for seandainya pekerjaan mereka menyebabkan mereka mengabaikan hak-hak ke atas suami mereka, dan ini adalah perkara yang sedang berlaku pada masa kini.
- Tidak bekerja di kawasan umum, sebagai contoh di kaunter informasi, penyambut tetamu di hotel, ataupun promoter barang-barang, dan ini adalah merupakan hal sering berlaku dan di zaman masa kini, dan hal inilah yang menyumbang kepada percampuran yang mana adalah diharamkan di dalam Islam. Sebab tersebut diberikan oleh dua orang anak perempuan Nabi Shuaib (AS) yang mana tidak mendekati telaga untuk mengisi bekas-bekas mereka di mana mereka berkata: ("Kami tidak boleh memberi air (kawasan kami) sehingga penggembala itu mengambil kembali (kawasan

mereka) yang mana bermaksud bahawa mereka menolak untuk menghampiri demi untuk tidak bercampur dengan lelaki semasa mengambil air.

- Waktu bekerja untuk kaum perempuan mestilah berada pada masa yang sesuai dan haruslah bermanfaat kepada anak-anak mereka, sebagai contoh waktu bekerja mereka haruslah pada waktu siang dan bukannya pada waktu malam kerana bekerja pada malam hari akan menyebabkan mereka mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak dan suami mereka.
- Mereka haruslah besederhana ketika keluar bekerja, memakai pakaian yang mengikut syariat Islam dan tidak menunjukkan bahagian tubuhnya kecuali muka dan tangan dan dengan tidak menunjukkan bahagian tubuh mereka yang lain seperti yang diperintahkan oleh Allah kepada mereka bahawa penunjukkan tersebut akan menyebabkan fitnah dan menarik perhatian terhadap mereka (Ulwani, 2006). Dan mereka memakai pakaian yang sedemikian di dalam skop kerjanya ekalipun dia hanya berurusan dengan golongan wanita untuk menyatakan dan menunjukkan slogan Islam dan untuk menghalang daripada terjerumus didalam keadaan kritikal sekiranya dia didatangi oleh lelaki yang asing disebabkan oleh sesuatu yang berkaitan dengan kerja mereka (Aqlah, 1989). Dan wanita Muslim memilih untuk mengenakan pakaian mengikut syariah Islam bertujuan untuk mendapatkan keredhaan; adalah tidak dibenarkan untuk seseorang wanita memakai pakaian yang menutup tubuh mereka tetapi pada masa yang sama mempesonakan orang yang memandangnya, sama ada disebabkan oleh hiasan pada pakaian tersebut ataupun keadaan warnayang terang yang dipakai oleh mereka, ataupun disebabkan mereka mengenakan wangi-wangian dan sebagainya.
- Haruslah mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga sekiranya mereka adalah seorang perempuan berdasarkan kepada prinsip menghormati ibu bapa dan mentaati mereka, ataupun dengan kebenaran daripada suaminya sekiranya dia telah berkahwin kerana hal tersebut adalah merupakan hak suaminya yang telah ditentukan oleh agama dan sistem perundangannya. (Abu Shamah, 2005).
- Kebenarannya seharusnya tidak bertentangan dengan tanggungjawab; maka, sekiranya pekerjaan tersebut adalah untuk memperoleh pendapatan dan demi untuk memenuhi keperluan hidup, tetapi perkara tersebut seharusnya tidak menggantikan tanggungjawabnya kerana tanggungjawab adalah lebih penting daripada kebenaran. Oleh kerana tanggungjawab wanita adalah untuk melaksanakan tugas-tugas di rumah, memenuhi hak-hak keatas suaminya dan menjaga anak-anak serta membesarkan mereka dan sebagainya dan perkara ini bukanlah merupakan perkara yang mudah kerana ianya memerlukan fokus juga komitmen yang penuh, jadi amatlah sukar untuk seseorang wanita bekerja di luar dan pada masa yang sama melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang diperuntukkan ke atas mereka. Pada asalnya, wanita bekerja di luar rumah adalah merupakan satu tegahan dan merupakan satu bentuk penahanan bekerja, dan perkara tersebut berlaku sekiranya tidak terdapat sebarang keperluan seperti yang telah disebutkan di atas (Zidane, 2000).

MASALAH ISTERI YANG BEKERJA DAN PENYELESAIANNYA DI DALAM PANDANGAN MAQASID SHARIAH

Kelemahan-kelemahan wanita yang bekerja

Wanita yang bekerja mempunyai beberapa kelemahan baik terhadap suaminya ataupun anak-anaknya; maka, seseorang wanita haruslah megimbangi di antara kerjanya dan tanggungjawab keatas anak-anak dan suaminya. Seperti yang telah diketahui, bahawa anak-anak mempunyai keperluan untuk makan, minum, pengawasan psikologi, keadaan sosial, bermain dan sebagainya, dan semuanya itu hanya boleh dicapai melalui penjagaan yang baik dari ibu mereka; menguruskan keluarga mempunyai kesan yang besar yang mana tidak boleh digantikan oleh organisasi sosial yang lain seperti peranan seorang pengasuh ataupun orang gaji; tambahan pula, anak-anak memerlukan pemerhatian di dalam pelajaran mereka dan bimbingan untuk melakukan ulangkaji, dan membetulkan apa yang telah disiarkan oleh media dengan menunjukkan kepada mereka apa yang baik dan apa yang tidak baik serta apa yang akan memberikan manfaat kepada mereka di masa hadapan disebabkan oleh kelemahan pemikiran mereka. Sekiranya seseorang perempuan keluar bekerja, maka tekanan akan meningkat baginya dan dia tidak akan boleh menjalankan tanggungjawab terhadap anak-anaknya kerana seseorang yang merasa penat akan melakukan perkara-perkara yang tidak sewajarnya dilakukannya; jadi, apabila seseorang perempuan balik daripada bekerja dan merasa penat sama ada disebabkan perlu duduk atau berdiri terlalu lama atau kedua-duanya dia tidak akan dapat menjalankan tanggungjawab kepada anak-anak di dalam rumah seperti yang dituntut kepada mereka, dan pada kemuncak kepada perkara tersebut ianya mungkin akan menyebabkan dia memukul anak-anaknya dengan teruk sekali. Isteri mesti mengambilkira bahawa pekerjaannya tidak sepatutnya memberikan kesan kepada suaminya atau anak-anaknya dan seharusnya tidak bertentangan dengan tanggungjawab-tanggungjawabnya yang lain. (Abdullah, 2006).

Statistik pekerjaan kaum wanita

Dr. Osman Jumu'ah Dhamiriyyah berkata di dalam kajiannya yang bertajuk: "Pekerjaan wanita dan pergaulan serta kesannya yang menyebabkan penceraian" dimana beliau menyebut berkenaan dengan penceraian dan perubahan sosial dalam kalangan orang-orang Saudi: lapangan kajian di Jeddah: kajian menunjukkan isu ini adalah wujud dalam kalangan wanita-wanita di Saudi, yang mana lelaki memberikan pandangan terhadap pekerjaan kaum wanita: 95% menentang wanita daripada bekerja, dan 44% pasangan yang berterusan menunjukkan mereka sangat tidak bersetuju ke atas wanita yang bekerja, manakala 86% lagi berkata bahawa isterinya tidak bekerja.

Dengan membincangkan pandangan ini dan kaitannya dengan penceraian dan masyarakat yang dikaji (Jeddah, Saudi Arabia) menunjukkan wanita yang bekerja tanpa keizinan suaminya menggugat sokongan suami terhadap isteri mereka. Kajian menunjukkan 24% kes penceraian berlaku oleh kerana wanita keluar bekerja tanpa keizinan suaminya. 11% daripada wanita yang dicerai dikenali pasti berlaku kerana suaminya tidak mengizinkan dia bekerja. Ini bermakna 14% penceraian berlaku disebabkan oleh kurangnya persetujuan daripada suami terhadap pekerjaan isterinya. Kebarangkalian wanita yang keluar bekerja tanpa keizinan daripada suaminya menyumbang kepada pertikaian yang tidak berkesudahan yang mempunyai kaitan besar kearah berlakunya penceraian. Keputusan daripada kajian juga menunjukkan 34% pihak suami menyatakan bahawa pekerjaan wanita adalah merupakan penyebab terjadinya penceraian, dan of 21% daripada wanita mengakui bahawa hal yang tersebut adalah merupakan penyebabnya, dan ianya jelas menunjukkan bahawa 23% punca berlakunya penceraian adalah kerana pekerjaan wanita itu sendiri. Dapatan dari kajian juga menunjukkan bahawa penglibatan wanita di dalam kerjayanya dan pengabaian terhadap suaminya adalah punca utama yang menyumbang kepada penceraian, 29% daripada lelaki yang menceraikan isteri mereka telah menjawab soalan kajian tersebut, 38% responden pula terdiri daripada wanita yang dicerai, dan 58% daripada jumlah keseluruhan responden mengatakan bahawa kerjaya wanita adalah penyebab kepada terjadinya penceraian tersebut dimana perhatian yang diberikan oleh wanita terhadap kerjanya serta pada masa yang sama mengabaikan suami dan anak-anaknya membawa kepada penceraian.

Kajian juga menunjukkan bahawa 78% wanita yang dicerai tidak bekerja: melihat kepada perhatian yang diberikan oleh wanita kepada kerjayanya menyumbang kepada penceraian, manakala 68% wanita bekerja yang bercerai mengatakan perkara yang sama. Terdapat 65% pelajar wanita yang bercerai mengatakan perkara yang sama. Sebaliknya, majority pelajar wanita menyangkal pandangan tersebut, 37% daripada mereka menolak perkara itu, dan sebabnya berkemungkinan kerana mereka tidak mempunyai pengalaman, tanggungjawab dan masalah-masalah seperti yang telah disebutkan (Majallat al-Buhuth, 2005).

Kajian juga menyatakan: perubahan budaya dan social kearah terjadinya fenomena penceraian, disertakan bersama kajian lapangan yang dilakukan di aghdad: kajian menunjukkan terdapat hubungan di antara terjadinya pertelingkahan sebagai akibat daripada pekerjaan wanita dan pengekaln kehidupan perkahwinan; tempoh perkahwinan yang singkat adalah kesan daripada pertikaian disebabkan oleh pekerjaan

Kajian menunjukkan bahawa hubungan di antara kerjaya wanita dan keaddannya yang boleh berdikari meningkatkan kadar penceraian, kerana pekerjaan kaum wanita akan menyebabkan: kurangnya perhatian kepada keluarga, pengabaian terhadap beberapa tanggungjawab ke atas suami dan anak-anak, dan juga terdapat kesan dari segi psikologi akibat daripada kerjanya, dan yang paling memberikan kesan adalah: dia merasakan bahawa dia merupakan seseorang yang boleh berdiri di atas kaki sendiri, penipuan terhadap statusnya dan ini akan menyebabkan rasa rendah diri dalam kalangan wanita dan akan menyebabkan dia (lelaki) mencuba untuk menunjukkan yang mana dia masih lagi berkuasa dan hal ini mungkin akan menjurus kepada penceraian. Tambahan pula, ramai wanita di luar sana yang bekerja dan menggunakan pendapatan mereka untuk keperluan mereka sahaja, ataupun memberikan sebahagiannya kepada keluarga mereka sebagai tanda penghormatan kerana membesarkan mereka, yang mana mereka menganggap bahawa lelaki perlu bertanggungjawab sepenuhnya dalam menjaga hal-hal di rumah serta ehwal keluarga.

Tuntasnya, adalah penting untuk dinyatakan: walaupun terdapat aduan terhadap peningkatan kadar pencerai di sesetengah negara ataupun masyarakat, tetapi ianya tidak boleh dikaitkan secara umum kepada semua golongan, kerana pasangan yang bercerai mungkin akan menyelesaikan masalah mereka dan berdamai selepas itu dan kajian ini tidak meliputi keadaan tersebut; tidak semua penceraian akan menyebabkan keruntuhan sesuatu institusi keluarga seperti yang disebut oleh sesetengah orang.

Sebagai tambahan, haruslah ditekankan apabila kita menyebut tentang punca-punca penceraian ataupun faktor-faktor yang menyumbang kepada keadaan sedemikian, ianya tidak bermaksud bahawa penceraian pasti terjadi disebabkan oleh perkara-perkara tersebut, malahan ianya hanyalah merupakan sebab kepada fenomena yang dibincangkan, dan terdapat perbezaan yang sangat besar di antara membincangkan sesuatu yang sedang berlaku dengan menerangkan akan apa yang wajib dan perlu dilakukan (Majallat al-Buhuth, 2005).

PERMASALAHAN TERHADAP ISTERI YANG BEKERJA DAN SOLUSINYA DI DALAM PANDANGAN MAQASID SHARIAH

Permasalahan dari isteri yang bekerja di luar rumah dalam membesarkan anak-anak

Keluarga mempunyai fitrah untuk melindungi dan membesarkan generasi secara fizikal, mental dan spiritual, yang mana akan melahirkan perasaan kasih sayang, belas kasihan dan perpaduan di dalam kehidupan, ini adalah kerana anak-anak memerlukan ibu bapanya untuk membesar dengan cara yang baik dan sepatutnya. Berdasarkan kepada kajian saintifik, ia menunjukkan bahawa tidak ada sesuatu yang lain dapat menggantikan keluarga di dalam membesarkan anak-anak, sebaliknya terdapat beberapa perkara yang akan membawa kesan buruk dan membahayakan proses membesarkan anak-anak, terutamanya golongan pengasuh yang di ambil daripada agensi. Ianya sangat mengejutkan apabila terdapat pandangan dan falsafah di dalam zaman moden ini yang mengerah wanita untuk keluar bekerja dan meninggalkan anak-anak mereka sama ada di pusat asuhan ataupun kepada orang gaji, dengan menggunakan alasan untuk meningkatkan pendapatan keluarga atau membina personaliti diri wanita tersebut dan sebagainya (Rayyan, 1999), seperti yang sedia maklum bahawa kanak-kanak memerlukan penjagaan yang rapi, dan ibu adalah mempunyai peranan seorang ibu dalam mendidik anak-anak adalah merupakan peranan yang utama kerana mereka menghabiskan lebih banyak masa bersama anak-anak mereka.

Penyelesaian yang bersesuaian terhadap permasalahan yang timbul dari isteri yang bekerja dalam membesarkan anak-anak di dalam pandangan maqasid shariah

Seperti yang umum sedia maklum bahawa membesarkan anak-anak adalah merupakan sebahagian daripada maqasid shariah yang berteraskan kepada perlindungan ke atas keturunan, di mana isteri yang bekerja adalah dikiri sebahagian daripada maqasid shariah terhadap perlindungan ke atas harta kekayaan.

Sebagai contoh, sekiranya terdapat konflik di antara pekerjaan isteri dan membesarkan anak-anak, sekiranya keluarga tersebut mempunyai kewangan yang baik maka membesarkan anak-anak adalah lebih diperlukan daripada bekerja, tetapi sekiranya keluarga tersebut mempunyai kewangan yang tidak stabil, maka bekerja adalah lebih digalakkan, dan dia haruslah mencuba untuk mengimbangi di antara dua keperluan tersebut kerana ianya hanya boleh dinilai dan mestilah dijawab dengan adilnya (Abdu, 2002). Dan isu yang seterusnya, adalah apabila pekerjaan isteri tersebut mengalami pertembungan dengan hal membesarkan anak-anak di dalam ajaran Islam, yang manakah perlu menjadi keutamaan?

Tujuan pekerjaan adalah untuk menambahkan pendapatan bulanan dan memenuhi keperluan keluarga, ini adalah merupakan sebuah tujuan untuk melindungi harta kekayaan, dan galakan untuk bekerja adalah untuk mencari rezeki serta untuk mendapatkan manfaat yang diperlukan untuk menjamin kestabilan (Alkhadimi, 2005), dalam konteks ini sekiranya seseorang perempuan tidak mempunyai anak maka tanggungjawabnya hanyalah untuk menguruskan suaminya sahaja, dan saya merasakan bahawa dia tidak akan timbul banyak masalah; akan tetapi sekiranya wanita yang mempunyai anak, dia mempunyai tanggungjawab untuk memberikan didikan dan memastikan anak-anak dibesarkan di dalam cara hidup Islam yang mana juga adalah merupakan sebahagian daripada perkara untuk melindungi agama (Alkhadimi, 2005).

Sekiranya keadaan untuk melindungi harta dilihat bertentangan dengan keadaan untuk melindungi agama, maka melindungi agama adalah lebih baik. Hal ini demikian kerana melindungi agama adalah yang paling utama kerana ianya akan membawa kebahagiaan yang berpanjangan yang mana adalah lebih penting daripada menjaga jiwa, kekayaan dan sebagainya (Ar-Raysuni, 1997). Dr. Raisuni berkata: terdapat persetujuan di antara ahli-ahli ulama di antara perkara paling penting dalam kalangan maqasid adalah perlindungan terhadap agama yang kemudiannya diikuti oleh jiwa, dan mereka juga bersetuju yang menduduki tangga paling bawah adalah harta; tidak ada sebarang bantahan di antara ulama-ulama dari mana-mana mazhab dan yang lain-lainnya (Ar-Raysuni, 1997). Keadaan di mana isteri perlu bertanggungjawab ke atas suaminya dan membesarkan anak-anaknya berada di tahap di mana ianya merupakan suatu bentuk keperluan dan merupakan kepentingan di dalam sesebuah komuniti, ini adalah kerana mempunyai sebuah keluarga yang baik adalah perkara paling asas untuk mendapatkan sebuah masyarakat yang baik; oleh yang demikian, sekiranya sesebuah keluarga menggunakan pendekatan dan aktiviti budaya dari peraturan yang lain diikuti dengan penguasaan ekonomi lain maka ianya tidak boleh mewujudkan sebuah masyarakat yang baik. Oleh sebab itu, seorang isteri yang bergelar ibu mestilah menumpukan sepenuh perhatian dalam menjaga anak-anak dan keluarganya (Buti, 1996).

Masalah pekerjaan isteri di luar rumah dengan suaminya

Penyebab kepada masalah isteri-isteri yang bekerja termasuk yang berikut:

- Nilai agama dan pendidikan agama Islam yang lemah di antara pasangan
- Tiada kerjasama di dalam hal rumahtangga, dan isteri mengabaikan hak-hak ke atas suami dan anak-anak.
- Isteri yang bekerjanya memberi kesan ke atas perancangan keluarga kerana wanita merasakan bahawa mengandung, melahirkan anak dan menyusukan mereka akan mengganggu kerjanya, dan menggugat kestabilan di dalam kerja mereka.
- Apabila terdapat percanggahan fahaman di antara mereka di dalam soal gaji, dan si isteri diminta untuk memikul sebahagian daripada tanggungjawab kerana gajinya dan dia lalu menolak, ataupun bilamana si suami meminta sebahagian daripada gajinya disebabkan oleh tanggungjawab yang dipikul oleh si suami dan kerana kewajipan isteri yang tidak dilakukan dengan sempurna kerana kesibukan dengan kerjanya, hal-hal yang sedemikian akan menjadi factor penyumbang kepada penceraian.

Tidak dapat dinafikan lagi, lelaki bertanggungjawab ke atas keluarganya untuk menyediakan makanan dan melakukan usaha-usaha yang lainnya untuk menjaga ahli keluarganya, maka, seseorang wanita adalah bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan di rumah seperti membesarkan anak-anak dan menguruskan kehidupan keluarganya; kebahagiaan di dalam hidup tidak hanya terhad untuk mendapatkan arang-barang baru dan hidup di dalam rumah yang selesa dan berada pada tahap tertentu, akan tetapi keindahan sesebuah kehidupan itu adalah ketenangan minda, mempunyai kesihatan dan kepercayaan. Hidup tidak semestinya berkisarkan kepada Life is not materialistik semata-mata, di mana kekayaan, kehidupan dan kuasa menjadi keutamaan, sebaliknya hidup adalah berkenaan dengan nilai-nilai murni, etika, kesucian dan kemurnian (Sharqawi Othman, 1996).

Kita mempunyai panduan yang paling bagus berpandukan kepada penilaian Rasulullah (saw) di antara Ali dan Fatimah, di mana dia memberikan Fatimah tanggungjawab untuk menguruskan hal-hal di rumah dan Ali bekerja di luar rumah, dan mereka berusaha di jalan Allah, dan bersungguh-sungguh demi untuk keluarganya. Tidak ada salahnya untuk seseorang perempuan itu bekerja di luar daripada rumahnya semasa keadaan memerlukan selagi mana dia mematuhi peruntukan yang telah ditetapkan oleh agama, tetapi dia (perempuan) harus melindungi hak-hak dan menjaga kebajikan suaminya. Kami telah menyebutkan hak-hal suami ke atas isterinya di dalam bahagian dua; dia haruslah mematuhi hak-hak yang wajib dan hak-hak yang telah dipersetujui di antara mereka, dan sekiranya isteri tersebut mengabaikan hak-hak tersebut, ianya akan menyebabkan masalah di antara mereka.

Penyelesaian yang sewajarnya terhadap permasalahan isteri yang bekerja terhadap suaminya berlandaskan kepada maqasid shariah

Penyelesaian kepada masalah pekerjaan isteri dan menjalankan tanggungjawab terhadap suami di dalam konteks maqasid shariah:

- Berasa gentar terhadap Allah secara sembunyi atau terang-terangan ; isteri seharusnya mengetahui bahawa tidak kira bagaimana undang-undang Islam telah menetapkan manusia dengan peraturan-peraturan serta ayat-ayat al Quran demi untuk menjaga kepentingan mereka di dunia dan di akhirat serta untuk menghalang keburukan dan memastikan kebaikan terhadap, tetapi tidak ada satupun yang dapat dicapai tanpa perasaan takut terhadap (Siba'i, 1983), sekiranya hamba-hamba Allah (swt) berasa takut kepadaNya masalah akan dapat diselesaikan dan akan memperoleh kebahagiaan; jika ketakwaan menyumbang kepada penghambaan diri sepenuhnya kepada Allah (swt) maka perasaan takut kepada Allah adalah sesuatu yang akan memberikan kebaikan , hal ini bermaksud bahawa shariah bertujuan untuk menjadikannya sebagai sesuatu yang disukai supaya manusia dapat mencapai redha Allah (swt) tanpa sebarang halangan dan kekusahan (Abdu, 2002).
- Isteri seharusnya menjaga maruahnya dan menjauhi segala perkara yang membawa kepada syak wasangka; Islam sangat menitikberatkan akan perkarayang mendatangkan keburukan dan menggalakkan perkara-perkara yang akan memberikan kebaikan seterusnya menutup segala pintu-pintu yang akan membawa kepada kemungkaran, ini adalah merupakan peraturan yang telah diketahui umum kerana kedatangan Shariah adalah untuk memberikan kesenangan kepada manusia ,ianya adalah untuk menghalang seseorang isteri untuk tinggal berdua-duaan dengan lelaki yang bukan mahramnya dan bergaul dengan lelaki di dalam pekerjaannya , dan wajib menutup aurat kemana sahaja dia pergi sama ada untuk bekerja ataupun untuk ke tempat lain, wanita harus menutup seluruh tubuh badannya kecuali bahagian muka dan tapak tangan, dan wanita juga disarankan untuk menghindari daripada bercakap menggunakan suara yang terlalu lembut kerana Allah (swt) telah berfirman: maka janganlah kamu tunduk (melembutkan suara) dalam berbicara, sehingga bangkit nafsu orang yang ada penyakit di dalam hatinya: dan ucapkanlah perkataan yang baik) (Qur'an, Ahzab, 32:32-32). Prof. A'rif Qara Dagi berkata: "Islam telah meletakkan peraturan ke atas pekerjaan wanita dan di dalamnya terdapat kebaikan yang ditetapkan oleh agama Islam bagi melindungi adab-adab dan maruah mereka tanpa memeberikan halangan di dalam kehidupan mereka; beberapa daripada kebaikan di antara lelaki dan wanita adalah: menjaga pandangan dan mengelak berada bersendirian dengan orang yang berlainan jantina dan menjarakkan diri daripada tempat-tempat yang boleh mendatangkan syak wasangka serta menghalang dosa yang nyata dan tersembunyi. Terdapat juga kebaikan yang dikhususkan kepada wanita si dalam hal-hal pemakaian, perlakuan dalam berkomunikasi dan mengelak daripada bercakap menggunakan suara yang terlalu lembut juga mengelak dari menggunakan wangi-wangian; semua hal-hal yang tersebut adalah demi untuk memastikan masyarakat untuk mengekalkan kesihatan dan memberikan perlindungan untuk menghalangnya daripada kesesatan (Qara, Dagi, 2011).
- Prinsip kerjasama di antara pasangan adalah tujuan shariah untuk menyebarkan semangat saling tolong menolong dan bertoleransi, Allah (swt) berfirman: [membantu satu sama lain adalah dalam kalangan orang-orang di jalan kebenaran dan bertakwa], adalah sangat penting untuk pasangan bersetuju dalam menentukan tugas-tugas serta tujuan-tujuan dan haruslah membahagi-bahagikan tanggungjawab di antara mereka demi untuk saling membantu untuk melaksanakan peranan mereka dengan sepenuhnya, sifat keterbukaan adalah kunci untuk mewujudkan keamanan di dalam kehidupan berumah tangga; dengan itu, mereka harus berlaku jujur ke atas situasi ekonomi dan kemunculan masalah-masalah di dalam keluarga. Suami juga haruslah membantu isterinya melakukan kerja-kerja rumah, Rasulullah (saw) adalah merupakan contoh yang terbaik dalam urusan di rumah seperti yang telah dinyatakan di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Aswad bin Yazid apabila beliau bertanya kepada Aisha (ra), apa yang dilakukan oleh Rasulullah (saw) di rumah? Aisha kemudiannya menjawab: (Dia biasa menguruskan keluarganya dan apabila dia mendengar azan dia akan keluar) (Sharqawi, 1997).
- Kesan daripada kerosakan yang disebabkan oleh kerja kaum wanita, suaminya mempunyai kuasa untuk menghalang isterinya daripada bekerja sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak baik dan keburukan daripadanya, sebagai contoh, sekiranya dia sedar dan yakin bahawa majikan isterinya mengarahkan dia untuk melakukan tugas di luar dan tidak membenarkan dia memakai pakain wanita islam yang sesuai ; maka , berdasarkan pepatah "menyekat kejahatan adalah dengan memberi keutamaan ke atas manfaat yang akan diperoleh" suaminya haruslah menghalang isterinya daripada keluar bekerja kerana tujuan shariah adalah untuk melindungi sesebuah keluarga daripada keruntuhan dan dan masuk ke dalam api neraka, seseorang lelaki yang mempunyai sifat cemburu adalah seseorang yang akan menghalang keluarganya dari terjerumus ke dalam kerosakan, Allah (swt) berfirman: (Wahai orang-orang yang beriman lindungilah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka).
- Seorang suami seharusnya tidak menghalang isterinya daripada bekerja terutamanya di dalam bidang perubatan dan pendidikan kerana ianya adalah dibenarkan dan amat diperlukan terutamanya sekiranya dia adalah merupakan satu-satunya orang calon di dalam bidang tersebut, dan dengan ini, tujuan syariah untuk melindungi jiwa akan dapat di capai. Lagipun, seseorang isteri yang bijaksana seharusnya dibenarkan untuk menjalankan kerja-kerja da'awah dalam kalangan wanita kerana mereka telah diabaikan di dalam perkara ini untuk tempoh masa yang lama walaupun ternyata mereka mempunyai kesediaan yang besar untuk melakukan kebaikan, dan pengalaman pada masa dahulu serta masa kini membuktikan terhadap ketersngan ini; perbincangan terhadap Islam oleh para wanita adalah jelas meletakkan

kebijaksanaan di hadapan tanggungjawab mereka (Sibag, 1985), dan perkara ini dianggap sebagai satu pekerjaan yang mulia da'awah adalah sebahagian daripada tujuan shariah untuk melindungi agama.

10.6 Sekiranya timbul sebarang pertembungan masalah di antara kerja-kerja isteri dalam menjalankan kewajibannya terhadap hal-hal di rumah dan kehidupan rumahtangganya seperti layanan kepada suaminya, dia haruslah menumpukan perhatian kepada suami dan keluarganya, kerana bekerja adalah dibenarkan bagi seseorang perempuan tetapi menjalankan kewajipan dalam memenuhi hak-hak suaminya adalah mejadi suatu tanggungjawab baginya, dan oleh yang demikian, maka bilamanya terjadinya sebarang masalah maka haruslah dia memilih untuk menjalankan kewajipan terhadap suami jika dibandingkan dengan pekerjaannya.

PENUTUP

Kajian ini jelas membuktikan bahawa pekerjaan kaum wanita adalah dibenarkan oleh shariah dengan beberapa had dan syarat seperti yang telah disebutkan; dan terdapat juga beberapa aspek ke atas kesamarataan dan perbezaan diantara lelaki dan perempuan di dalam hal-hal kehidupan; maka, seseorang isteri yang bekerja haruslah memastikan keseimbangan di antara kerjayanya dan hak dan tanggungjawab ke atas anak-anak dan setiap hak haruslah dipertimbangkan dan diberikan kepada penerimanya secara adil kerana persefahaman, perkataan dan kerjasama di antara pasangan adalah merupakan prinsip kepada kasih sayang dan keikhlasan, ia seharusnya mengamalkan tujuan shariah tersebut yang mana tujuannya adalah untuk membina sebuah keluarga yang akan memberikan mereka kebahagiaan di dalam kehidupan rumah tangga mereka.

RUJUKAN

The Holy Qur'an

Abdu. Muhammad. 2002. Al-Fikr al-Maqasidy indal Imam Al-Ghazali. 1st Ed. Beirut: Dar al-Kutbu al-Ilmiyyah.

Abdullah. Hassan Mahmud. 2006. Al-mashakil az-Zaujiyyah baina as-Shar'i wa al-Urf. 1st Ed. Cairo: Dar al-Hadi.

Abu Shamah, Al-Amin Muhammad. 2005. Domestic Violence in the shade of globalization. 1st Ed. Riyadh: King Fahad National Office.

Alkhadimi. Nuruddin Mukhtar. 2005. Al-ijtihad al-Maqasidi. 1st Ed. Riyadh: Maktabat ar-Rushd.

Amr. Abdul Mun'im Salim. 2008. Jami masail an-Nisa min fatawa wa masa'il fadilat ash-Sheikh al-Muhaddis Muhammad Nasir ad-Deen al-Albany. 1st Ed. Cairo: Dar al-Baida.

Aqlah. Muhammad. 1989. Nizam al-Ushrah fi al-Islam. Amman: Makatabah ar-Risalah.

Ar-Raysuni. Ahmad. 1997. Nazriyyat at-Taqrif wat-taglib watatbiquha fi al-Ulum al-Islamiyyah. 1st Ed. Egypt: Dar al-Kalimah.

Bawadi. Husnanin Al-Mahummady. 2005. Women right between moderation and extremism. 1st Ed. Alexandria. Dar al-Fikr.

Buti, Muhammad Sa'id Ramadhan. 1996. Arma'ah baina Tugyanin Nizam al-garby wa lata'ifut tashriy. 1st Ed. Damascus: Dar al-Fikr.

Maimunah. Wa Jannat Abdur-Rahim. 2000. Qa'idat az-Zara'I Wa ahkam an-Nisa'i al-Muta'alliqah buha. 1st Ed. Saudi Arabia: Dar al-Mujtma'a.

Majallat al-Buhuth al-Islamiyyah al-'amah li idarat al-Buhuth al-Ilmiyyah wa al-ifta wa ad-da'awah wa al-Irshad. 2005. Saudi Arabia.

Muhammad Bakr Ismail. 1998. Ma'al mar'ah fi ahkam diniha wa umuru dunyaha. Cairo: Dar a-Salah.

Qara Dagi. A'rif Ali A'rif. 2011. Masa'il Shar'iyyah fi qadayah al-Mar'ah. 1st Ed. Kuala Lumpur: Udwu Majlis nashr al-Ilmi al-Malizi.

Rayyan. Ahmad Ali Taha. Fiqh al-Ushrah. 1999. Cairo. Tab'ul Kulliyat al-Azhariyyah.

Sabiq. Sayyid. 1988. Fiqh as-Sunnah. 1st Ed. Beirut. Dar al-Kitab al-Araby.

Sharqawi. Othman Sai'id. 1996. Islam and Marital Life. Cairo. Al-hai'at al-Misriyyah al-a'mah lilkitab.

Sharqawi. Zainab Hassan. 1997. Ahkam al-Mu'sharah az-zaujiyyah. 1st Ed. Beirut: Dar al-Andalus.

Siba'i. Mustafa. 1983. Women between Jurisprudence and Law. 6th Ed. Beirut: Al-Maktab al-Islamy.

Sibag. Muhammad Lutfi. 1985. Nazrat fi al-Ushrah al-Muslimah. 1st Ed. Beirut: Al-Maktab al-Islamy.

Ulwani. Nashwah. 2006. Mause'ah Ahkam al-Mar'ah al-Muslimah. 2nd Ed. Beirut: Dar al-Maktab.

Zidane. Abdulkarim. 2000. Al-Mufassal fi ah-kam al-Mar'ah wa bait al-Mulsim fi ash-Shariah al-Islamiyyah. 3rd Ed. Beirut. Risalah Foundation.

Ahmad Bin Muhammad Husni,

Department of Fiqh & usul al-Fiqh.

Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences, (KIRKHS)

International Islamic Unviersity Malaysia.

Email: ahmedking@iiu.edu.my

Nur Fatin Binti Alimuddin

Department of Fiqh & usul al-Fiqh.

Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences, (KIRKHS)

International Islamic Unviersity Malaysia.

Amin Bin Muhammad Husni

Kolej Dar al-Hikmah, Sg. Ramal Dalam, 43000 Kajang,

Selangor, Darul Ehsan, Malaysia.